

**GARIS PANDUAN
PENYEDIAAN
SPESIFIKASI PRODUK
DATA GEOSPATIAL**

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan menerbit ulang mana-mana isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada :

Urus setia

Jawatankuasa Teknikal Standard MyGDI (JTSM)

Pusat Infrastruktur Data Geospasial Negara

Kementerian Sumber Asli & Alam Sekitar

Aras 7 & 8, No. 25, Persiaran Perdana

Wisma Sumber Asli, Presint 4,

62574, Putrajaya

Cetakan Pertama 2014

Diterbitkan di Malaysia oleh

Pusat Infrastruktur Data Geospasial Negara (MaCGDI)

Kementerian Sumber Asli & Alam Sekitar

Aras 7 & 8, Blok Menara 4G3, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62574, WP Putrajaya

Tel : 03- 8886 1111

Fax : 03- 8889 4851

www.mygeoportal.gov.my

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
1. Pendahuluan	1
2. Skop	1
3. Pematuhan	1
4. Rujukan berkaitan	2
5. Istilah dan definisi	3
5.1 Atribut	3
5.2 Fitur	3
5.3 Dataset	3
5.4 Data geospasial	3
5.5 Domain	3
5.6 Hubung kait fitur (Feature association)	3
5.7 Kualiti	3
5.8 Metadata	4
5.9 Model konseptual	4
5.10 Model	4
5.11 Produk data	4
5.12 Siri dataset	4
5.13 Skema aplikasi	4
5.14 Skema konseptual	4
5.15 Spatiotemporal	4
6. Pemodelan spesifikasi produk data geospasial	4

6.1	<i>Unified Modeling Language (UML)</i>	4
6.1.1	Notasi UML	5
6.1.2	Perhubungan model UML	8
6.1.3	Stereotaip model UML	9
6.2	Package abbreviations	10
7.	Struktur umum dan kandungan spesifikasi produk data geospasial	10
8.	Pengenalan	12
9.	Skop spesifikasi	13
10.	Pengenalpastian produk data geospasial	14
11.	Kandungan dan struktur data	15
11.1	Data berasaskan fitur	15
11.2	Data berasaskan litupan dan imej	16
12.	Sistem rujukan	17
13.	Kualiti data	17
13.1	Kesempurnaan	18
13.2	Ketekalan logikal	18
13.3	Ketepatan posisi	18
13.4	Ketepatan temporal	19
13.5	Ketepatan tematik	19
14.	Penawanan data	20

15.	Penyelenggaraan data	20
16.	Persembahan produk	21
17.	Penyampaian produk data geospasial	21
18.	Maklumat tambahan	22
19.	Metadata	23
20.	Contoh spesifikasi produk data geospasial	23
LAMPIRAN A	Abstrak ujian kesesuaian	24
LAMPIRAN B	Hubungan antara spesifikasi produk data geospasial dan metadata	25
LAMPIRAN C	Pakej UML	27
LAMPIRAN D	Skop spesifikasi produk data geospasial	28
LAMPIRAN E	Kandungan spesifikasi produk data geospasial	31
LAMPIRAN F	Borang Spesifikasi Produk Data/Peta	44
LAMPIRAN G1	Contoh Spesifikasi Produk Peta Topografi Bercetak Skala 1: 50 000	67
LAMPIRAN G2	Contoh Spesifikasi Produk Peta Ortofoto Bercetak Skala 1: 10 000	109

LAMPIRAN G3	Contoh Spesifikasi Produk Peta Daerah Bercetak Pelbagai Skala	139
LAMPIRAN G4	Contoh Spesifikasi Produk Data Topografi Berdigit Skala 1: 25 000	179
LAMPIRAN G5	Contoh Spesifikasi Produk Data Rangkaian Jalan Raya Semenanjung	209

Garis Panduan Penyediaan Spesifikasi Produk Data Geospasial

1. Pendahuluan

Spesifikasi produk data geospasial merupakan penerangan yang terperinci mengenai dataset atau siri dataset bersama-sama dengan maklumat tambahan yang akan membolehkan ia diwujudkan, dibekalkan dan digunakan oleh pihak lain. Ia merupakan satu penerangan teknikal terperinci mengenai produk data geospasial yang perlu dipatuhi. Spesifikasi produk data geospasial hanya menerangkan tentang dataset tersebut, walau bagaimanapun bagi keadaan tertentu, beberapa pertimbangan boleh dibuat dalam pelaksanaannya. Dalam hubungan ini, metadata yang disediakan juga menggambarkan dataset produk yang sebenarnya.

Spesifikasi produk data geospasial boleh diwujudkan dan digunakan oleh pelbagai pihak di dalam keadaan yang berbeza. Sebagai contoh, ia boleh digunakan dalam proses pengumpulan data asal dan juga bagi penghasilan produk-produk daripada data sedia ada. Garis panduan ini disediakan bagi tujuan penyediaan spesifikasi produk data geospasial oleh pembekal data bagi menerangkan produknya, atau oleh pengguna bagi memenuhi keperluan mereka.

Selain itu, garis panduan ini boleh membantu semua pihak dalam penyediaan spesifikasi produk data geospasial masing-masing melalui penetapan satu senarai item yang lengkap bagi penentuan produk data geospasial tersebut.

2. Skop

Garis panduan ini menjelaskan perkara-perkara yang perlu dalam penyediaan sesuatu spesifikasi produk data geospasial. Ini bagi membantu pembekal data dalam menyediakan spesifikasi produk data geospasial yang mudah difahami.

3. Pematuhan

Setiap spesifikasi produk data geospasial yang dinyatakan sebagai mematuhi Garis Panduan Penyediaan Spesifikasi Produk Data Geospasial ini perlu lulus semua keperluan ujian yang dinyatakan di **Lampiran A** - Abstrak Ujian Kesesuaian.

4. Rujukan berkaitan

Rujukan berikut digunakan untuk menyediakan garis panduan ini:

- a) MS ISO/TS 19103:2006, *Geographic information - Conceptual schema language*;
- b) MS ISO 19107: 2007, *Geographic information - Spatial schema*;
- c) MS ISO 19108: 2003, *Geographic information - Temporal schema*;
- d) MS ISO 19109: 2007, *Geographic information - Rules for application schema*;
- e) MS ISO 19110: 2006, *Geographic information - Methodology for feature cataloguing*;
- f) MS ISO 19111: 2008, *Geographic information - Spatial referencing by coordinates*;
- g) MS ISO 19112: 2006, *Geographic information - Spatial referencing by geographic identifiers*;
- h) MS ISO 19113: 2003, *Geographic information - Quality principles*;
- i) MS ISO 19115: 2003, *Geographic information - Metadata*;
- j) MS ISO 19117: 2006, *Geographic information - Portrayal*;
- k) MS ISO 19123: 2007, *Geographic information - Schema for coverage geometry and functions*;
- l) MS ISO 19131: 2009, *Geographic information - Data product specifications*;
- m) MS ISO/TS 19138: 2008, *Geographic information - Data quality measures*; dan
- n) Garis Panduan Penilaian Kualiti Data Geospasial dikeluarkan oleh Jawatankuasa Teknikal Standard MyGDI (JTSM), 2010.

5. Istilah dan definisi

Untuk tujuan kegunaan garis panduan ini, berikut adalah istilah dan definisi yang digunakan:

5.1 Atribut

Ciri-ciri bagi sesuatu fitur.

Contoh: Nilai ketinggian, lebar, komposisi, panjang serta ciri-ciri lain bagi sesuatu fitur.

5.2 Fitur

Gambaran objek di bumi sama ada bagi objek semula jadi atau objek buatan. Contoh: Bangunan, jalan raya, tanaman, sungai dan sebagainya.

5.3 Dataset

Kumpulan data yang boleh dikenal pasti sama ada dataset statik atau dataset dinamik.

5.4 Data geospasial

Data yang merujuk kepada lokasi di bumi. Ia juga boleh dinamakan sebagai data geografi.

5.5 Domain

Set objek yang telah ditakrifkan dengan jelas.

Nota: "Ditakrifkan dengan jelas" bermaksud set objek yang telah mencapai tahap yang diperlukan serta mencukupi. Apa-apa objek yang mematuhi kehendak berkenaan (keperluan dan mencukupi) adalah tergolong dalam set tersebut manakala setiap objek yang tidak mematuhi adalah terkeluar dari set.

5.6 Hubung kait fitur (Feature association)

Hubungan antara keadaan (*instances*) bagi sesuatu jenis fitur yang sama ataupun jenis fitur yang berbeza.

5.7 Kualiti

Nilai keseluruhan ciri-ciri produk mengikut tahap keupayaannya mencapai keperluan yang dinyatakan dan yang tersirat.

5.8 Metadata

Data mengenai data.

5.9 Model konseptual

Model yang menjelaskan konsep gambaran dunia sebenar.

5.10 Model

Abstrak daripada beberapa aspek realiti.

5.11 Produk data

Dataset atau siri dataset yang memenuhi kehendak spesifikasi produk data.

5.12 Siri dataset

Kumpulan dataset yang menggunakan spesifikasi produk yang sama.

5.13 Skema aplikasi

Skema konseptual bagi data yang diperlukan oleh satu atau lebih aplikasi.

5.14 Skema konseptual

Skema yang menjelaskan sesuatu model konseptual.

5.15 *Spatiotemporal*

Gabungan elemen spatial dan temporal (julat masa).


6. Pemodelan spesifikasi produk data geospasial

6.1 *Unified Modeling Language (UML)*

Bagi tujuan penyediaan spesifikasi produk data geospasial, notasi pemodelan berasaskan objek iaitu *Unified Modeling Language (UML)*, digunakan di dalam garis panduan ini. Ia merangkumi set gambarajah dan gabungan elemen-elemen model di dalamnya yang dapat disusun untuk menggambarkan struktur umum dan kandungan sesuatu spesifikasi produk data geospasial.

6.1.1 Notasi UML

Notasi yang terdapat dalam garis panduan ini dipaparkan dengan menggunakan struktur Rajah statik UML dengan asas definisi dari MS ISO/TS 19103:2006, *Geographic Information – Conceptual Schema Language*, dan diperjelaskan dalam **Rajah 1** di bawah.



Rajah 1: Notasi UML

Rajah 1(a)	Contoh Hubungkait (Association)
Rajah 1(b)	Contoh Pengumpulan (Aggregation)
Rajah 1(c)	Contoh Komposisi (Composition)
Rajah 1(d)	Contoh Generalisasi (Generalization)
Rajah 1(e)	Contoh Kebergantungan (Dependency)


Contoh mengenai notasi UML:

i) Hubung kait (Association)

Menggambarkan hubungan antara dua (2) kelas atau lebih.

Contoh:

1. KLCC berada di Jalan Ampang.
2. Bangunan A berada di dalam Lot 100.




Rajah 1(a): Contoh Hubung kait

ii) Pengumpulan (Aggregation)

Menggambarkan hubungan antara kelas agregat dengan kelas komponennya.

Contoh: Kategori *Built Environment* terdiri daripada sub-kategori iaitu *Residential*, *Commercial* dan *Industrial* (rujuk MS 1759:2004, Geographic Information/Geomatics – Features and Attribute Codes).




Rajah 1(b): Contoh Pengumpulan

iii) Komposisi (Composition)

Menggambarkan hubungan sama seperti pengumpulan (aggregation) tetapi kelas komponen tersebut ada hubungan yang kuat dengan kelas komposisinya.

Contoh: Terminal dan landasan kapal terbang berada di Lapangan Terbang. Jika tiada Lapangan Terbang maka tiada terminal dan landasan kapal terbang.




Rajah 1(c): Contoh Komposisi

iv) Generalisasi (Generalization)

Hubungan yang mengaitkan sesuatu kelas yang umum dengan kelas yang lebih spesifik (sub-kelas).

Contoh: Getah, kelapa dan koko digeneralisasikan sebagai Tanaman.




Rajah 1(d): Contoh Generalisasi

v) Kebergantungan (Dependency)

Menggambarkan hubungan antara sesuatu elemen dengan elemen lain yang saling berkait.


Contoh: Spesifikasi produk data bergantung kepada spesifikasi sistem rujukan dan spesifikasi keperluan kualiti data.




Rajah 1(e): Contoh Kebergantungan

6.1.2 Perhubungan model UML

Di dalam model UML, dua kelas yang mempunyai hubungkait sehalu akan mempunyai satu nama peranan. Manakala hubungkait dua hala akan mempunyai dua nama peranan. Contoh hubungkait dua hala dalam model UML adalah seperti di **Rajah 2**. Di dalam setiap hubungkait ini, bilangan unsur (cardinalities) bagi kelas tersebut akan ditunjukkan seperti di **Rajah 3**.



Rajah 2: Hubung kait antara Objek



Rajah 3: Hubung kait Kardinal

6.1.3 Stereotaip model UML

Stereotaip model UML ialah mekanisme lanjutan (extension) bagi konsep UML sedia ada. Ia digunakan untuk mengelaskan atau menanda elemen UML lain jika wujudnya keadaan *new virtual or pseudo metamodel classes* yang berdasarkan kepada metamodel asas sedia ada. Stereotaip menerangkan mekanisme pengelasan dalam asas pembentukan hierarki kelas metamodel UML. Stereotaip digunakan dalam garis panduan ini adalah:

<<Leaf>> pakej yang mempunyai maksud tertentu, tanpa sebarang sub-pakej.

Untuk maklumat lanjut mengenai stereotaip model UML, sila rujuk MS ISO/TS 19103: 2006, *Geographic Information – Conceptual Schema Language*.

6.2 Package abbreviations

Singkatan (abbreviations) digunakan untuk menunjukkan pakej yang terkandung dalam sesuatu kelas. Setiap singkatan didahului dengan nama kelas serta dihubungkan dengan “_”. Contoh singkatan yang digunakan adalah seperti di bawah:

CI *Citation*

CV *Coverages*

DPS *Data product specification*

<i>DQ</i>	<i>Data quality</i>
<i>EX</i>	<i>Extent</i>
<i>FC</i>	<i>Feature catalogue</i>
<i>GM</i>	<i>Geometry</i>
<i>MD</i>	<i>Metadata</i>
<i>TM</i>	<i>Temporal</i>

7. Struktur umum dan kandungan spesifikasi produk data geospasial

Spesifikasi produk data geospasial menerangkan keperluan-keperluan bagi sesuatu produk data. Spesifikasi ini merupakan asas rujukan dalam penghasilan atau perolehan data geospasial dan dapat membantu pengguna menilai sesuatu produk data sama ada ia sesuai untuk kegunaannya. Maklumat yang terdapat di dalam sesuatu spesifikasi produk data geospasial adalah berbeza daripada maklumat yang ada di dalam metadata. Maklumat yang terdapat di dalam metadata merupakan keterangan khusus mengenai produk data, manakala spesifikasi produk data geospasial pula menerangkan perkara-perkara yang perlu dipatuhi dalam penghasilan sesuatu produk data.

Keperluan untuk metadata diterangkan dalam MS ISO 19115:2003, *Geographic information – Metadata*. Spesifikasi produk data geospasial dan metadata dihubungkan seperti di **Lampiran B** - Hubungan Antara Spesifikasi Produk Data Geospasial dan Metadata.

Spesifikasi produk data geospasial **perlu** mengandungi bahagian-bahagian utama yang merangkumi aspek-aspek produk data geospasial seperti berikut:

- a) Pengenalan;
- b) Skop spesifikasi;
- c) Pengenalpastian produk data;
- d) Kandungan dan struktur data;
- e) Sistem rujukan;
- f) Kualiti data;
- g) Penyampaian produk data; dan
- h) Metadata.

Sesuatu spesifikasi produk data geospasial boleh juga mengandungi bahagian-bahagian yang merangkumi aspek-aspek produk data seperti berikut:

- a) Penawanan data;
- b) Penyelenggaraan data;
- c) Persembahan; dan
- d) Maklumat tambahan.

Setiap bahagian (kecuali Pengenalan) adalah hubungkait kepada pakej UML seperti yang ditunjukkan di **Lampiran C** – Pakej UML.

Keterangan produk data yang minimum perlu merangkumi elemen-elemen seperti berikut:

- a) **Lampiran D** – Skop Spesifikasi Produk Data Geospasial;
- b) **Lampiran E** – Kandungan Spesifikasi Produk Data Geospasial; dan
- c) **Lampiran F** – Borang Spesifikasi Produk Data/ Peta.

8. Pengenalan

Pengenalan spesifikasi produk data geospasial perlu mengandungi perkara-perkara berikut:

- a) Maklumat umum.
Nota: Tajuk, tarikh penerbitan, pihak bertanggungjawab, bahasa, kategori topik dan format penyebaran.
- b) Istilah dan definisi.
- c) Singkatan.
- d) Nama dan akronim produk data geospasial.
- e) Penerangan ringkas (informal description) mengenai produk data geospasial. Ia perlu mengandungi maklumat umum produk data geospasial yang merangkumi aspek-aspek berikut:
 - i. kandungan dataset;
 - ii. had litupan data (spatial dan temporal);
 - iii. tujuan khusus bagi data yang akan dan telah dikutip;
 - iv. sumber data dan proses penghasilan data; dan
 - v. penyelenggaraan data.

9. Skop spesifikasi

Spesifikasi produk data geospasial perlu mengandungi penerangan skop yang merangkumi had spatial atau temporal, jenis dan kriteria fitur, gambaran spatial atau hierarki sesuatu produk data geospasial.

Spesifikasi produk data geospasial boleh ditentukan melalui pembahagian kandungan produk data geospasial berasaskan kepada satu atau lebih kriteria. Pembahagian ini mungkin berbeza dengan spesifikasi produk data geospasial yang lain dan setiap kandungan data perlu dijelaskan dalam skop spesifikasi. Setiap kandungan/bahagian data hendaklah diterangkan dengan skop spesifikasi yang mempunyai hubungan bersamaan (inherit) atau berlainan (override) dengan skop spesifikasi umum.

Antara kriteria yang boleh digunakan dalam pembahagian kandungan/bahagian produk data geospasial adalah seperti berikut:

- a) had litupan atau temporal;
- b) jenis fitur;
- c) jenis kriteria (property type);
- d) nilai kriteria (property value);
- e) gambaran spatial; dan
- f) hierarki produk.

Contoh:

Produk data geospasial yang disediakan bagi menyokong navigasi selalunya mengandungi dua (2) set jenis fitur iaitu:

- (i) maklumat navigasi yang sering/kerap berubah serta penting dalam keselamatan navigasi; dan
- (ii) maklumat sistem rujukan.

Dalam hubungan ini, penyelenggaraan dan penyampaian maklumat akan menjadi sebahagian daripada set fitur pertama dan maklumat kedua tidak termasuk dalam kumpulan ini.

Sesuatu maklumat yang menerangkan skop spesifikasi produk data geospasial perlu mengandungi perkara-perkara berikut:

- a) Aras: kod yang mewakili hierarki data/peta;
- b) Nama aras: identiti hierarki data/peta;
- c) Huraian aras: keterangan terperinci mengenai hierarki data/peta;
- d) Had: batas paparan spatial, pugak dan temporal bagi data/peta; dan
- e) Litupan: kawasan geografi bagi maklumat yang berkaitan.

Model UML bagi maklumat skop spesifikasi adalah seperti yang ditunjukkan di **Lampiran D – Skop Spesifikasi Produk Data Geospasial**.

10. Pengenalpastian produk data geospasial

Maklumat pengenalpastian produk data geospasial mestilah mengandungi perkara-perkara berikut:

- a) Tajuk: tajuk produk data geospasial;
- b) Abstrak: ringkasan mengenai kandungan produk data geospasial;
- c) Kategori topik: tema utama produk data geospasial; dan
- d) Huraian geografi: had litupan kawasan geografi produk data geospasial.

Perkara-perkara lain yang boleh dimasukkan, sekiranya sesuai, adalah seperti berikut:

- a) Tajuk alternatif: nama singkatan atau nama lain produk data yang diketahui;
- b) Tujuan: ringkasan tujuan produk data itu dibangunkan;
- c) Jenis gambaran spasial (contoh: data vektor, data raster);
- d) Resolusi atau skala data spasial; dan
- e) Maklumat tambahan: penjelasan lanjut mengenai produk data geospasial.

Model UML bagi definisi formal untuk maklumat pengenalpastian adalah seperti ditunjukkan di **Lampiran E.1 – Maklumat Pengenalpastian**.

11. Kandungan dan struktur data

11.1 Data berasaskan fitur

Kandungan maklumat produk data geospasial berasaskan fitur adalah dihuraikan daripada aspek skema aplikasi dan katalog fitur bersama-sama dengan rujukan serta keterangannya.

Skema aplikasi menyediakan penerangan secara formal mengenai struktur data dan kandungan produk data geospasial. Ia merupakan satu model konseptual yang dihurai menggunakan skema konseptual seperti UML. Skema ini perlu merangkumi gambaran jenis fitur (*representation of feature type*), ciri fitur termasuk jenis atribut, operasi fitur (*feature operations*) dan hubungkait antara fitur (*feature associations*), *inheritance relations* dan kekangan (*constraints*). Jenis atribut merangkumi ciri-ciri deskriptif, geometrik dan temporal. Hubungkait meliputi hubungan spasial dan temporal (contoh:

hubungan topologi) serta hubungan bukan spatial (contoh: pemilikan) yang wujud antara fitur.

Penghuraian skema aplikasi hendaklah selaras dengan MS ISO 19109:2007, *Geographic Information – Rules for Application Schema*, dengan mengutamakan peraturan dalam Para 8 dan 9, khususnya sub-para seperti berikut:

- a) Para 8.3: *Rules for application schema in UML*
Apabila UML digunakan dalam penyediaan skema aplikasi.
- b) Para 8.5: *Rules for use of metadata schema*
Apabila metadata perlu ditambah pada fitur, atribut fitur atau hubungkait antara fitur (contoh: maklumat kualiti).
- c) Para 8.6: *Temporal rules*
Apabila menjelaskan ciri-ciri temporal bagi sesuatu fitur.
- d) Para 8.7: *Spatial rules*
Apabila menjelaskan ciri-ciri fitur spatial (contoh: sungai, tanaman) dengan jenis data spatial (contoh: garisan, poligon).
- e) Para 8.9: *Spatial referencing using geographic identifiers*
Apabila menerangkan ciri-ciri fitur spatial dengan *geographic identifiers* (contoh: *Unique Parcel Identifier* (UPI), kod fitur dan atribut (MS 1759)).

Katalog fitur adalah dokumen yang menyedia dan menerangkan maklumat semua jenis fitur, jenis dan nilai atribut, jenis hubungkait antara fitur dan operasi fitur yang terkandung dalam skema aplikasi. Maklumat-maklumat tersebut perlu dimasukkan ke dalam spesifikasi produk data geospasial. Sebagai contoh, dokumen MS 1759:2014, *Geographic Information/Geomatics - Features and Attribute Codes* (First Revision) adalah sebahagian daripada spesifikasi produk data geospasial yang digunakan sebagai dokumen rujukan luaran.

Model UML bagi kandungan dan struktur data berasaskan fitur adalah seperti di **Lampiran E.2 – Kandungan Data dan Struktur Maklumat**.

11.2 Data berasaskan litupan dan imej (Coverage-based and imagery data)

Litupan merupakan salah satu jenis (subtype) fitur yang mempunyai nilai-nilai atribut di dalam domain *spatiotemporal*. Litupan boleh dihasilkan daripada fitur-fitur yang mempunyai atribut yang sama. Ia menggabungkan satu set nilai atribut kepada domain *spatiotemporal* dalam hadnya. Litupan juga merangkumi imej raster (contoh: imej Landsat), DEM dan pertindihan kawasan litupan (contoh: poligon guna tanah dan kawasan perhutanan).

Spesifikasi produk data geospasial perlu mengandungi pernyataan dan keterangan jelas bagi setiap litupan dan imej yang berkaitan. Maklumat kandungan bagi setiap litupan

dan imej perlu dihurai berdasarkan kepada MS ISO 19123:2007, *Geographic Information – Schema for Coverage Geometry and Function*. Komponen-komponen berikut perlu dikenalpasti untuk menerangkan sesuatu litupan atau imej:

- a) *Identifier* litupan/imej;
- b) Keterangan litupan/imej;
- c) Jenis litupan; dan
- d) Maklumat tambahan litupan.

Model UML bagi kandungan dan struktur data berasaskan fitur adalah seperti di **Lampiran E.2** – Kandungan Data dan Struktur Maklumat.

12. Sistem rujukan

Spesifikasi produk data geospasial perlu menjelaskan maklumat sistem rujukan spatial dan sistem rujukan temporal yang digunakan.

Sistem rujukan spatial yang digunakan sama ada sistem rujukan koordinat mengikut MS ISO 19111:2008, *Geographic Information – Spatial Referencing by Coordinates* atau sistem rujukan yang menggunakan kod geografi (geographic identifiers) berdasarkan MS ISO 19112:2006, *Geographic Information – Spatial Referencing by Geographic Identifiers*. Sistem rujukan temporal pula dijelaskan mengikut MS ISO 19108:2003, *Geographic Information – Temporal Schema*. Bagi kedua-dua sistem rujukan spatial dan sistem rujukan temporal, ia hendaklah dikenal pasti melalui *reference system identifier*.

Model UML bagi maklumat sistem rujukan seperti di **Lampiran E.3** – Maklumat Sistem Rujukan.

13. Kualiti data

Spesifikasi produk data geospasial perlu menyatakan tahap pematuhan kualiti data yang hendak dihasilkan. Ia perlu mengandungi elemen dan sub-elemen kualiti data seperti yang ditetapkan dalam MS ISO 19113:2003, *Geographic Information – Quality principles*. Jika mana-mana elemen dan sub-elemen yang tidak berkaitan dengan produk data geospasial yang dihasilkan, ia hendaklah dinyatakan sebagai tidak berkaitan. Bagi sesuatu produk data geospasial yang mempunyai elemen dan sub-elemen tambahan selain daripada yang dinyatakan dalam dokumen MS ISO di atas, ia juga perlu dinyatakan. Penyataan tahap pematuhan bagi setiap elemen dan sub-elemen yang berkaitan perlu disediakan.

Elemen dan sub-elemen yang telah ditetapkan adalah seperti di bawah:

13.1 Kesempurnaan

Kesempurnaan adalah kewujudan dan ketidakwujudan fitur, atribut dan hubungannya. Ia terdiri daripada dua sub-elemen iaitu :

- a) Kewujudan (lebih data)
 - wujud lebih data di dalam dataset.
- b) Ketidakwujudan (kekurangan data)
 - kekurangan/ketiadaan data di dalam dataset.

13.2 Ketekalan logikal

Ketekalan logikal adalah tahap pematuhan kepada peraturan logikal sesuatu struktur data, atribut dan hubungannya. Ia terdiri daripada empat sub-elemen iaitu :

- a) Ketekalan konsep (conceptual consistency)
 - pematuhan/pertalian kepada ketepatan *conceptual schema*.
- b) Ketekalan domain (domain consistency)
 - pematuhan/pertalian kepada nilai domain.
- c) Ketekalan format (format consistency)
 - tahap pematuhan/penyesuaian penyimpanan data dengan struktur fizikal dataset.
- d) Ketekalan topologi (topological consistency)
 - kebenaran terhadap topologi yang dikodkan (encoded topology) khusus bagi dataset.

13.3 Ketepatan posisi

Ketepatan posisi adalah ketepatan bagi posisi sesuatu fitur. Ia terdiri daripada tiga sub-elemen iaitu :

- a) Ketepatan mutlak atau luaran (absolute or external accuracy)
 - tahap kehampiran/ketepatan koordinat yang dinyatakan berbanding dengan nilai benar yang diterima pakai.
- b) Ketepatan relatif atau dalaman (relative or internal accuracy)
 - tahap kehampiran/ketepatan bagi kedudukan relatif fitur berbanding dengan kedudukan relatif yang diterima pakai.
- c) Ketepatan posisi data bergrid (gridded data position accuracy)
 - tahap kehampiran/ketepatan bagi nilai kedudukan bergrid berbanding dengan nilai benar yang diterima pakai.

13.4 Ketepatan temporal

Ketepatan temporal adalah ketepatan berkenaan tempoh masa bagi atribut dan tempoh hubungan antara fitur. Ia terdiri daripada tiga sub-elemen iaitu:

- a) Ketepatan pengukuran masa (accuracy of a time measurement)
 - ketepatan rujukan temporal bagi sesuatu item.
- b) Ketekalan temporal (temporal consistency)
 - ketepatan turutan kejadian/peristiwa, sekira dilaporkan.
- c) Kesahihan temporal (temporal validity)
 - tempoh sah data yang digunakan merujuk kepada masa.

13.5 Ketepatan tematik

Ketepatan tematik adalah ketepatan bagi atribut kuantitatif, kebenaran bagi atribut bukan kuantitatif dan pengkelasan bagi fitur serta hubungannya. Ia terdiri daripada tiga sub-elemen iaitu:

- a) Kebenaran klasifikasi (classification correctness)
 - perbandingan terhadap klasifikasi yang diberi kepada sesuatu fitur atau atribut bagi *universe of discourse* (dataset berkenaan).
- b) Kebenaran atribut bukan kuantitatif (non-quantitative attribute correctness)
 - kebenaran bagi atribut bukan kuantitatif.
- c) Ketepatan atribut kuantitatif (quantitative attribute accuracy)
 - ketepatan bagi atribut kuantitatif.

Model UML bagi kualiti data seperti di **Lampiran E.4** – Maklumat Kualiti Data. Penyediaan kualiti data mengikut elemen dan sub-elemen yang dinyatakan di atas perlu merujuk kepada MS ISO 19113 dan MS ISO 19114.

Nota: Prosedur, langkah-langkah dan penyediaan laporan penilaian kualiti data geospasial berdasarkan spesifikasi yang ditetapkan di atas hendaklah merujuk kepada Dokumen Garis Panduan Penilaian Kualiti Data Geospasial yang diterbitkan oleh Jawatankuasa Teknikal Standard MyGDI (JTSM), 2010.

14. Penawanan data

Spesifikasi produk data geospasial boleh juga mengandungi maklumat kaedah penawaran data. Maklumat yang perlu dinyatakan sekurang-kurangnya mengandungi penjelasan secara umum mengenai sumber data dan proses-proses yang terlibat. Ia juga boleh menjelaskan beberapa kaedah penawaran data atau satu kaedah tertentu sahaja.

Tahap pematuhan kualiti di setiap peringkat penawanan data mungkin boleh dijelaskan bagi tujuan penerbitan produk data ini. Pematuhan kualiti penawanan data tersebut lebih mudah dipatuhi sekiranya carta alir yang jelas ditunjukkan di dalam dokumen spesifikasi produk data geospasial berkenaan.

Model UML bagi penawanan data seperti di **Lampiran E.5** – Maklumat Penawanan Data.

15. Penyelenggaraan data

Bagi produk data geospasial yang dihasilkan secara berterusan, spesifikasi produk data geospasial boleh juga memberikan maklumat mengenai bagaimana data tersebut diselenggara. Keterangan mengenai penyelenggaraan data perlu merangkumi prinsip-prinsip dan kriteria yang digunakan setelah penawanan data dilaksanakan. Ia meliputi penyelenggaraan dan kekerapan pengemaskinian termasuk perubahan dan penambahan maklumat terhadap produk data geospasial berkenaan.

Model UML bagi penyelenggaraan data seperti di **Lampiran E.6** – Maklumat Penyelenggaraan Data.

16. Persembahan produk

Spesifikasi produk data geospasial boleh juga memberikan keterangan bagaimana data di dalam dataset hendak dipersembahkan dalam bentuk grafik, sama ada sebagai plotan, imej atau lain-lain. Katalog persembahan (portrayal catalogue) yang menerangkan peraturan serta spesifikasi persembahan perlulah disediakan. Definisi katalog persembahan ini harus dirujuk mengikut MS ISO 19117:2006, *Geographic Information — Potrayal*.

Model UML bagi persembahan produk seperti di **Lampiran E.7** – Maklumat Persembahan.

17. Penyampaian produk data geospasial

Spesifikasi produk data geospasial hendaklah mengenalpasti keperluan bagi tujuan penyampaian produk data geospasial. Ini merangkumi maklumat seperti berikut:

- a) nama format data seperti *.dxf, *.shp, table, ASCII dan sebagainya;
- b) versi format seperti mengikut tarikh, nombor siri dan sebagainya;

- c) nama subset, profil atau format spesifikasi produk (contoh: subset dari format *Microsoft Office* - *.xls, *.xlsx, *.doc, *.docx, *.ppt, *.pptx);
- d) struktur fail data yang disebarkan;

BA0010_A.dbf	HG0080_A.dbf	TA0060_L.dbf
BA0010_A.shp	HG0080_A.shp	TA0060_L.shp
BA0010_A.shx	HG0080_A.shx	TA0060_L.shx
BA0010_P.dbf	HH0020_A.dbf	TA0110_L.dbf
BA0010_P.shp	HH0020_A.shp	TA0110_L.shp
BA0010_P.shx	HH0020_A.shx	TA0110_L.shx
BE0010_A.dbf	HH0040_L.dbf	TA0180_P.dbf
BE0010_A.shp	HH0040_L.shp	TA0180_P.shp
BE0010_A.shx	HH0040_L.shx	TA0180_P.shx
BJ9010-Concrete Wall_L.dbf	HH0070_A.dbf	TA0240_P.dbf
BJ9010-Concrete Wall_L.shp	HH0070_A.shp	TA0240_P.shp
BJ9010-Concrete Wall_L.shx	HH0070_A.shx	TA0240_P.shx
BJ9020-Fence_L.dbf	HH0101-River Centreline_L.dbf	UD9010-Oil_Gas Tank_P.dbf
BJ9020-Fence_L.shp	HH0101-River Centreline_L.shp	UD9010-Oil_Gas Tank_P.shp
BJ9020-Fence_L.shx	HH0101-River Centreline_L.shx	UD9010-Oil_Gas Tank_P.shx
DA0020_A.dbf	HH0160_P.dbf	VA0010_A.dbf
DA0020_A.shp	HH0160_P.shp	VA0010_A.shp
DA0020_A.shx	HH0160_P.shx	VA0010_A.shx
DA0040_A.dbf	HH0190_L.dbf	VA0020_A.dbf
DA0040_A.shp	HH0190_L.shp	VA0020_A.shp
DA0040_A.shx	HH0190_L.shx	VA0020_A.shx
DA0060_A.dbf	HH0210_A.dbf	VC0050_A.dbf
DA0060_A.shp	HH0210_A.shp	VC0050_A.shp
DA0060_A.shx	HH0210_A.shx	VC0050_A.shx
DA0085_A.dbf	HH0220-Swamp_A.dbf	VE0020_A.dbf
DA0085_A.shp	HH0220-Swamp_A.shp	VE0020_A.shp
DA0085_A.shx	HH0220-Swamp_A.shx	VE0020_A.shx
DA0321-Pekan_P.dbf	Open water.dbf	VF0010_A.dbf
DA0321-Pekan_P.shp	Open water.shp	VF0010_A.shp
DA0321-Pekan_P.shx	Open water.shx	VF0010_A.shx
DA0331-Kampung_P.dbf	RA0010_L.dbf	VF0050_A.dbf
DA0331-Kampung_P.shp	RA0010_L.shp	VF0050_A.shp
DA0331-Kampung_P.shx	RA0010_L.shx	VF0050_A.shx
DA0811-Administrative_P.dbf	RA0060_L.dbf	VF0090_A.dbf
DA0811-Administrative_P.shp	RA0060_L.shp	VF0090_A.shp
DA0811-Administrative_P.shx	RA0060_L.shx	VF0090_A.shx
FRAME.dbf	RA0070_L.dbf	ZA0040_P.dbf
FRAME.shp	RA0070_L.shp	ZA0040_P.shp
FRAME.shx	RA0070_L.shx	ZA0040_P.shx
HA0010_L.dbf	RA0080_L.dbf	ZA0050_P.dbf
HA0010_L.shp	RA0080_L.shp	ZA0050_P.shp
HA0010_L.shx	RA0080_L.shx	ZA0050_P.shx
HA0040_P.dbf	RA0000-Transport Frame Info_P.dbf	
HA0040_P.shp	RA0000-Transport Frame Info_P.shp	
HA0040_P.shx	RA0000-Transport Frame Info_P.shx	

Rajah 4: Struktur Fail Data

- e) keterangan unit produk data yang diguna pakai semasa penyampaian (contoh: lembar, lapisan, kawasan geografi seperti negeri, daerah);
- f) anggaran saiz produk data dalam format yang dinyatakan (contoh: MB);
- g) medium data (contoh: DVD, CD); dan
- h) lain-lain maklumat penyampaian (contoh: data boleh disebarkan secara dalam talian).

Model UML bagi penyampaian produk data geospasial seperti di **Lampiran E.8** – Penyampaian produk data geospasial.

18. Maklumat tambahan

Spesifikasi produk data geospasial boleh juga menerangkan aspek-aspek lain yang tidak dinyatakan dalam garis panduan ini seperti syarat-syarat untuk mengakses dan menggunakan data, penentuan harga serta royalti produk data geospasial terlibat.

Model UML bagi maklumat tambahan seperti di **Lampiran E.9** – Maklumat tambahan.

19. Metadata

Elemen-elemen utama metadata yang disenaraikan dalam MS ISO 19115:2003, *Geographic Information — Metadata* atau MS ISO 19115-2:2011, *Geographic Information — Metadata – Part 2: Extensions for imagery and gridded data* hendaklah disediakan bersama produk data. Jika terdapat keperluan penambahan elemen metadata, tambahan elemen tersebut hendaklah dinyatakan dalam spesifikasi produk data geospasial. Format dan pengekodan metadata hendaklah dinyatakan dalam spesifikasi produk data geospasial ini.

20. Contoh spesifikasi produk data geospasial

Contoh-contoh spesifikasi produk data geospasial yang diterbitkan adalah seperti berikut:

- a) Lampiran G1 : Contoh Spesifikasi Produk Peta Topografi Bercetak
Skala 1: 50 000;
- b) Lampiran G2 : Contoh Spesifikasi Produk Peta Ortofoto Bercetak
Skala 1 : 10 000;
- c) Lampiran G3 : Contoh Spesifikasi Produk Peta Daerah Bercetak Pelbagai Skala;
- d) Lampiran G4 : Contoh Spesifikasi Produk Data Topografi Berdigit
Skala 1: 25 000; dan
- e) Lampiran G5 : Contoh Spesifikasi Produk Data Rangkaian Jalan Raya
Semenanjung.

ABSTRAK UJIAN KESESUAIAN

Abstract test suite

A.1 Bahagian spesifikasi produk data geospasial

- a) Tujuan ujian: Mengesahkan semua bahagian mandatori dimasukkan ke dalam spesifikasi produk data geospasial.
- b) Kaedah ujian: Semak semua bahagian dalam spesifikasi produk data geospasial bagi memastikan semua bahagian telah dimasukkan.
- c) Rujukan: Klausula 7 dalam garis panduan ini.
- d) Jenis ujian: Asas (basic)

A.2 Perkara mandatori

- a) Tujuan ujian: Mengesahkan semua item yang mandatori bagi spesifikasi produk data geospasial telah dimasukkan di dalam setiap bahagian.
- b) Kaedah ujian: Semak setiap bahagian spesifikasi produk data geospasial dengan memastikan semua item mandatori telah dimasukkan.
- c) Rujukan: Klausula 8-19 dalam garis panduan ini.
- d) Jenis ujian: Asas (basic)

A.3 Perkara terperinci


- a) Tujuan ujian : Mengesahkan semua item adalah betul.
- b) Kaedah ujian: Semak semua item di dalam spesifikasi produk data geospasial adalah betul.
- c) Rujukan: Lampiran D, E dan F.
- d) Jenis ujian: Asas (basi)

HUBUNGAN ANTARA SPESIFIKASI PRODUK DATA GEOSPATIAL DAN METADATA

Relationship between data product specification and metadata

Dokumen MS ISO 19115: 2003, *Geographic Information - Metadata* menyediakan satu struktur yang menjelaskan mengenai sesuatu data geospasial berdigit. Ia merangkumi elemen-elemen metadata, penyediaan skema dan pewujudan satu set umum terminologi metadata, definisi dan prosedur-prosedur tambahan.

Bagi memastikan kelancaran hubungan elemen-elemen informasi daripada spesifikasi produk data geospasial kepada metadata, pepadanan konsep-konsep adalah amat penting. Secara umum, dokumen spesifikasi produk data geospasial memberi penerangan mengenai keperluan tertentu bagi sesuatu produk data yang sepatutnya dihasilkan, manakala metadata pula memberikan penjelasan mengenai data yang dihasilkan. Keperluan sesuatu spesifikasi produk data geospasial adalah untuk menilai sama ada ia memenuhi atau tidak memenuhi keperluan pengguna. Spesifikasi produk data geospasial boleh diwujudkan sebelum penghasilan sesuatu produk data. Kebanyakan elemen spesifikasi produk data geospasial akan digunakan dalam penyediaan metadata bagi sesuatu produk data yang dihasilkan. Hubungan antara spesifikasi produk data geospasial dan metadata seperti **Rajah B.1**.




(Sumber: MS ISO 19131:2009)

Rajah B.1: Hubungan antara spesifikasi produk data geospasial dan metadata
Relationship between data product specification and metadata

Nota: Rajah B.1 adalah ilustrasi dan tidak membentuk sebahagian spesifikasi UML untuk spesifikasi produk data geospasial.

PAKEJ UML UML packages

Model bagi sesuatu spesifikasi produk data geospasial (DPS) diperjelaskan sebagai satu pakej. Setiap pakej mengandungi satu atau lebih entiti (kelas UML), yang boleh dikhususkan (subclass) atau secara umum (superclass). Entiti-entiti mengandungi beberapa elemen (atribut kelas UML) yang menentukan unit-unit berasingan yang dapat digunakan dalam menerangkan sesuatu spesifikasi produk data geospasial. Susun atur pakej ditunjukkan seperti di **Rajah C.1**. Sesuatu produk data diterangkan sepenuhnya melalui Rajah model UML dan sebahagiannya diterangkan di dalam *data dictionary* bagi setiap pakej seperti yang ditunjukkan di **Lampiran D** dan **Lampiran E**.




Rajah C.1: Pakej spesifikasi produk data geospasial
Data product specification packages

SKOP SPESIFIKASI PRODUK DATA GEOSPATIAL

Data product specification scopes

Rajah D.1 menunjukkan model UML bagi skop spesifikasi data geospasial dan hubungannya dengan pakej lain di dalam spesifikasi produk data geospasial. **Jadual D.1** dan **D.2** menunjukkan definisi data yang berkaitan.



(Sumber: MS ISO 19131:2009)

Rajah D.1: Model UML bagi spesifikasi produk data geospasial
UML model for data product specification

Jadual D.1 menunjukkan definisi data yang berkaitan bagi kelas spesifikasi produk data geospasial (DPS) manakala **Jadual D.2** menunjukkan definisi data bagi kelas skop spesifikasi produk data geospasial (DPS_ScopeInformation). Definisi data bagi unsur-unsur dalam pakej produk data ditunjukkan di **Lampiran E**.

**Jadual D.1: Spesifikasi produk data geospasial
(DPS)**

	<i>Item name</i>	<i>Definition</i>	<i>Obligation/ condition</i>	<i>Multiplicity</i>	<i>Data type</i>	<i>Domain</i>
1	<i>overview</i>	<i>general information about the product specification</i>	<i>M</i>	<i>1</i>	<i>Character String</i>	<i>free text</i>
2	<i>role: identification</i>	<i>identification information for the DPS</i>	<i>M</i>	<i>1</i>	<i>DPS_IdentificationInformation</i>	<i>see E.1</i>
3	<i>role: capture</i>	<i>capture information for the DPS</i>	<i>O</i>	<i>N</i>	<i>DPS_DataCaptureInformation</i>	<i>see E.5</i>
4	<i>role: quality</i>	<i>quality information for the DPS</i>	<i>M</i>	<i>N</i>	<i>DPS_DataQualityInformation</i>	<i>see E.4</i>
5	<i>role: maintenance</i>	<i>maintenance information for the DPS</i>	<i>O</i>	<i>N</i>	<i>DPS_MaintenanceInformation</i>	<i>see E.6</i>
6	<i>role: portrayal</i>	<i>portrayal information for the DPS</i>	<i>O</i>	<i>N</i>	<i>DPS_PortrayalInformation</i>	<i>see E.7</i>
7	<i>role: rs</i>	<i>reference system information for the DPS</i>	<i>M</i>	<i>N</i>	<i>DPS_ReferenceSystemInformation</i>	<i>see E.3</i>
8	<i>role: delivery</i>	<i>delivery information</i>	<i>M</i>	<i>N</i>	<i>DPS_DeliveryInformation</i>	<i>see E.8</i>
9	<i>role: additionalInformation</i>	<i>additional information for the DPS</i>	<i>O</i>	<i>N</i>	<i>DPS_AdditionalInformation</i>	<i>see E.9</i>
10	<i>role: metadata</i>	<i>metadata information for the DPS</i>	<i>M</i>	<i>N</i>	<i>DPS_Metadata</i>	<i>see ISO 19115</i>
11	<i>role: content</i>	<i>content information for the DPS</i>	<i>M</i>	<i>N</i>	<i>DPS_ContentAndStructureInformation</i>	<i>see E.2</i>

(Sumber: MS ISO 19131:2009)

Jadual D.2: Skop maklumat bagi aspek spesifikasi produk data geospasial
The scope information for the aspect of the data product specification

	Item name	Definition	Obligation/ condition	Multiplicity	Data type	Domain
1	scopeIdentification	identification of the scope for the purpose of a particular data specification	M	1	CharacterString	free text
2	level	hierarchical level of the data specified by the scope	O	1	MD_ScopeCode	see ISO 19115
3	levelName	name of the hierarchy level of the data specified by the scope	O	1	CharacterString	free text
4	extent	information about the spatial, vertical and temporal extent of the data specified by the scope	O	1	EX_Extent	see ISO 19115
5	levelDescription	detailed description about the level of the data specified by the scope	O	N	CharacterString	free text
6	coverage	coverages to which the information applies	O	N	CharacterString	free text
7	role: scopeInformation	scopes that are part of this scope	O	N	DPS_ScopeInformation	aggregation of scopes
8	role: superScope	parent scope of this scope	O	1	DPS_ScopeInformation	a higher level scope


(Sumber: MS ISO 19131:2009)

KANDUNGAN SPESIFIKASI PRODUK DATA GEOSPATIAL

Data product specification contents

E.1 Maklumat pengenpastian

Rajah E.1 menunjukkan model UML bagi maklumat pengenpastian produk data geospasial. Jadual E.1 pula memaparkan definisi data berkaitan.



(Sumber: MS ISO 19131:2009)

Rajah E.1: Model UML bagi maklumat pengenpastian
UML model for identification information


Jadual E.1: Maklumat pengenalpastian
Identification Information

	Item name	Definition	Obligation/ Condition	Maximum occurrence	Data type	Domain
1	<i>title</i>	<i>title of data product</i>	<i>M</i>	<i>1</i>	<i>CharacterString</i>	<i>free text</i>
2	<i>altTitle</i>	<i>other name by which the data product is known</i>	<i>O</i>	<i>N</i>	<i>CharacterString</i>	<i>free text</i>
3	<i>abstract</i>	<i>brief narrative summary of the content of the data product</i>	<i>M</i>	<i>1</i>	<i>CharacterString</i>	<i>free text</i>
4	<i>purpose</i>	<i>summary of the intentions with which the data product is developed</i>	<i>O</i>	<i>1</i>	<i>CharacterString</i>	<i>free text</i>
5	<i>topicCategory</i>	<i>main theme(s) of the dataset</i>	<i>M</i>	<i>N</i>	<i>MD_TopicCategoryCode</i> <i><<CodeList>></i>	<i>see ISO 19115</i>
6	<i>spatialRepresentationType</i>	<i>form of spatial representation</i>	<i>O</i>	<i>N</i>	<i>MD_SpatialRepresentationTypeCode</i>	<i>see ISO 19115</i>
7	<i>spatialResolution</i>	<i>factor which provides a general understanding of the density of spatial data in the dataset</i>	<i>O</i>	<i>N</i>	<i>MD_Resolution</i> <i><<Union>></i>	<i>see ISO 19115</i>
8	<i>geographicExtent</i>	<i>description of the geographic area within which data is available</i>	<i>M</i>	<i>N</i>	<i>EX_GeographicExtent</i>	<i>see ISO 19115</i>
9	<i>supplementalInformation</i>	<i>any other descriptive information about the dataset</i>	<i>O</i>	<i>1</i>	<i>CharacterString</i>	<i>free text</i>
10	<i>role: identificationScope</i>	<i>scope of the identification information</i>	<i>M</i>	<i>1</i>	<i>DPS_ScopeInformation</i>	<i>see Annex D</i>

(Sumber: MS ISO 19131:2009)

E.2 Kandungan data dan struktur maklumat

Rajah E.2 menunjukkan model UML bagi kandungan data dan struktur maklumat. **Jadual E.2** hingga **Jadual E.4** memaparkan definisi data berkaitan.



(Sumber: MS ISO 19131:2009)

Rajah E.2: Kandungan dan Struktur Maklumat
Content and structure information

Jadual E.2: Kandungan dan struktur maklumat
Content and structure information

<i>Bil</i>	<i>Item name</i>	<i>Definition</i>	<i>Obligation/condition</i>	<i>Maximum occurrence</i>	<i>Data type</i>	<i>Domain</i>
1.	<i>narrativeDescription</i>	<i>unique identifier of coverage</i>	<i>M</i>	<i>1</i>	<i>CharacterString</i>	<i>free text</i>
2.	<i>role: identificationScope</i>	<i>scope of the identification information</i>	<i>M</i>	<i>1</i>	<i>DPS_ScopeInformation</i>	<i>see Annex D</i>

(Sumber: MS ISO 19131:2009)

Jadual E.3: Maklumat fitur
Feature-based information

<i>Bil</i>	<i>Item name</i>	<i>Definition</i>	<i>Obligation/condition</i>	<i>Maximum occurrence</i>	<i>Data type</i>	<i>Domain</i>
1.	<i>role: applicationSchema</i>	<i>the application schema</i>	<i>O</i>	<i>1</i>	<i>DPS_ApplicationSchema</i>	<i>see ISO 19109</i>
2.	<i>role: featureCatalogue</i>	<i>the feature catalogue</i>	<i>M</i>	<i>1</i>	<i>FC_FeatureCatalogue</i>	<i>see ISO 19110</i>

(Sumber: MS ISO 19131:2009)


Jadual E.4: Maklumat litupan
Coverage information

<i>Bil</i>	<i>Item name</i>	<i>Definition</i>	<i>Obligation/condition</i>	<i>Maximum occurrence</i>	<i>Data type</i>	<i>Domain</i>
1.	<i>coverageDescription</i>	<i>technical description of the coverage</i>	<i>M</i>	<i>1</i>	<i>CharacterString</i>	<i>Free text</i>
2.	<i>coverageType</i>	<i>type of coverage</i>	<i>M</i>	<i>1</i>	<i>CharacterString</i>	<i>Free text</i>
3.	<i>specification</i>	<i>additional coverage information</i>	<i>M</i>	<i>1</i>	<i>CV_Coverage</i>	<i>See ISO 19123</i>

(Sumber: MS ISO 19131:2009)

E.3 Maklumat sistem rujukan

Rajah E.3 menunjukkan model UML bagi maklumat sistem rujukan. **Jadual E.5** memaparkan definisi data berkaitan.



(Sumber: MS ISO 19131:2009)

Rajah E.3: Model UML bagi maklumat sistem rujukan
UML model for reference system information


Bil	Item name	Definition	Obligation/ condition	Maximum occurrence	Data type	Domain
1.	<i>spatialReferenceSystem</i>	<i>identifier of spatial reference system</i>	<i>M</i>	<i>1</i>	<i>MD_ReferenceSystem</i>	<i>see ISO 19115</i>
2.	<i>temporalReferenceSystem</i>	<i>identifier of temporal reference system</i>	<i>0</i>	<i>1</i>	<i>TM_ReferenceSystem</i>	<i>see ISO 19108</i>

3.	role: rsScope	scope for the reference system information	M	1	DPS_ScopeInformation	see Annex D
NOTA : MD_ReferenceSystem kelas yang digunakan di sini sebagai generalisasi SC_CRS (dari ISO 19111) dan SI_SpatialReferenceSystem-UsingGeographicIdentifiers (dari ISO 19112).						

Jadual E.5: Pengenalpastian sistem rujukan
Reference system identification

E.4 Maklumat kualiti data

Rajah E.4 menunjukkan model UML bagi maklumat kualiti data. **Jadual E.6** memaparkan definisi data berkaitan.



(Sumber: MS ISO 19131:2009)

Rajah E.4: UML bagi kualiti data
UML diagram for data quality


Jadual E.6: Maklumat keperluan elemen kualiti data
Data quality element requirement information

<i>Bil</i>	<i>Item name</i>	<i>Definition</i>	<i>Obligation/condition</i>	<i>Maximum occurrence</i>	<i>Data type</i>	<i>Domain</i>
1.	<i>dataQuality</i>	<i>required level of data quality</i>	<i>M</i>	<i>N</i>	<i>DQ_DataQuality</i>	<i>see ISO 19115</i>
2.	<i>role: qualityScope</i>	<i>scope for the quality information</i>	<i>M</i>	<i>1</i>	<i>DPS_ScopeInformation</i>	<i>see Annex D</i>

(Sumber: MS ISO 19131:2009)

E.5 Maklumat penawanan data

Rajah E.5 menunjukkan model UML bagi maklumat penawanan data. **Jadual E.7** memaparkan definisi data berkaitan.



(Sumber: MS ISO 19131:2009)

Rajah E.5: Model UML bagi maklumat penawanan data
UML model for data capture information


Jadual E.7: Maklumat penawanan data
Data capture information

<i>Bil</i>	<i>Item name</i>	<i>Definition</i>	<i>Obligation / condition</i>	<i>Maximum occurrence</i>	<i>Data type</i>	<i>Domain</i>
1.	<i>dataCaptureStatement</i>	<i>general description of the process for the capture of the data</i>	<i>M</i>	<i>N</i>	<i>CharacterString</i>	<i>free text</i>
2.	<i>role: qualityScope</i>	<i>scope for the quality information</i>	<i>M</i>	<i>1</i>	<i>DPS_ScopeInformation</i>	<i>see Annex D</i>

(Sumber: MS ISO 19131:2009)

E.6 Maklumat penyelenggaraan data

Rajah E.6 menunjukkan model UML bagi maklumat penyelenggaraan data. **Jadual E.8** memaparkan definisi data berkaitan.



(Sumber: MS ISO 19131:2009)

Rajah E.6: Model UML bagi penyelenggaraan data
UML model for maintenance


Jadual E.8: Maklumat penyelenggaraan data
Maintenance information

<i>Bil</i>	<i>Item name</i>	<i>Definition</i>	<i>Obligation/condition</i>	<i>Maximum occurrence</i>	<i>Data type</i>	<i>Domain</i>
1.	<i>Maintenance And Update Frequency</i>	<i>frequency with which changes and additions are made to the product</i>	<i>M</i>	<i>N</i>	<i>CharacterString</i>	<i>free text</i>
2.	<i>role: qualityScope</i>	<i>scope for the quality information</i>	<i>M</i>	<i>1</i>	<i>DPS_ScopeInformation</i>	<i>see Annex D</i>

(Sumber: MS ISO 19131:2009)

E.7 Maklumat persembahan

Rajah E.7 menunjukkan model UML bagi maklumat persembahan data. **Jadual E.9** memaparkan definisi data berkaitan.



(Sumber: MS ISO 19131:2009)

Rajah E.7: Model UML bagi maklumat persembahan
UML model for portrayal information


Jadual E.9: Maklumat persembahan
Portrayal information

<i>Bil</i>	<i>Item name</i>	<i>Definition</i>	<i>Obligation/condition</i>	<i>Maximum occurrence</i>	<i>Data type</i>	<i>Domain</i>
1.	<i>Portrayal Catalogue Citation</i>	<i>bibliographic reference to the portrayal catalogue</i>	<i>M</i>	<i>N</i>	<i>CI_Citation</i>	<i>see ISO 19115</i>
2.	<i>role: portrayalScope</i>	<i>scope for the portrayal information</i>	<i>M</i>	<i>1</i>	<i>DPS_ScopeInformation</i>	<i>see Annex D</i>

(Sumber: MS ISO 19131:2009)

E.8 Maklumat penyampaian

Rajah E.8 menunjukkan model UML bagi maklumat penyampaian data. **Jadual E.10**, **E.11** dan **E.12** memaparkan definisi data berkaitan.



(Sumber: MS ISO 19131:2009)

Rajah E.8: Model UML bagi maklumat penyampaian data
UML model for delivery information

Jadual E.10: Maklumat format penyampaian
Delivery format information

Bil	Item name	Definition	Obligation/ condition	Maximum occurrence	Data type	Domain
1.	<i>deliveryMedium</i>	<i>medium in which the product is delivered</i>	<i>M</i>	<i>N</i>	<i>DPS_DeliveryMedium</i>	<i>see Table E.9.1</i>
